



# SIARAN MEDIA

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA  
IBU PEJABAT, PUTRAJAYA



UNTUK SIARAN SEGERA

2 MAC 2024 (SABTU)

BILANGAN: 7 / 2024 (CPA)

## PENJELASAN LANJUT KE ATAS ISU PENGENAAN CUKAI PERKHIDMATAN TAMBANG FERİ

### PENGENAAN CUKAI PERKHIDMATAN KE ATAS PERKHIDMATAN LOGISTIK

1. Perkhidmatan logistik telah ditetapkan menjadi perkhidmatan bercukai mulai 1 Mac 2024 selaras dengan perwartaan Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2024.
2. Cukai perkhidmatan sebanyak 6% dikenakan ke atas perkhidmatan logistik yang melibatkan penyediaan suatu rantaian bekalan dengan merancang, melaksana dan mengawal pergerakan dan penyimpanan **barang** dari lokasi asal hingga ke lokasi penggunaan untuk memenuhi keperluan pelanggan. Cukai perkhidmatan tidak dikenakan ke atas perkhidmatan penghantaran makanan dan minuman.
3. Perkhidmatan logistik, penghantaran atau pengedaran atau pengangkutan barang, dokumen atau bungkusan termasuk dengan menggunakan platform e-dagang atau bagi pihak mana-mana orang, perkhidmatan kiriman cepat dan ejen Kastam adalah dikategorikan sebagai perkhidmatan bercukai di bawah Kumpulan J, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 dan dikenakan cukai perkhidmatan sebanyak 6%.
4. Cukai perkhidmatan dikenakan ke atas pengangkutan dan pengangkutan barang seperti perabot, kenderaan, barangan tempatan, barangan import melalui lori, feri, *haulier*, pengangkutan rantaian sejuk, kapal atau pesawat udara dari suatu tempat ke suatu tempat yang lain di dalam Malaysia.



cpa@customs.gov.my



03-8882 2100



03-8889 5884



www.customs.gov.my



JabatanKastamDirajaMalaysia



@KastamMalaysia



kastam.malaysia.official



@kastammalaysiaofficial

5. Cukai perkhidmatan **tidak dikenakan** ke atas perkhidmatan pengangkutan penumpang yang menggunakan mod pengangkutan keretapi, bas, feri, *cruise* dan lain-lain. Cukai perkhidmatan juga tidak dikenakan kepada penumpang yang membawa bagasi, barangan atau kenderaan bersama bagi tujuan pergerakan dari suatu tempat ke suatu tempat yang lain yang menggunakan mod pengangkutan ini.
  
6. Pengangkutan penumpang yang dikenakan cukai perkhidmatan hanyalah ke atas perkhidmatan penerbangan domestik. Cukai atas perkhidmatan penerbangan domestik mula dikenakan 1 September 2018 dengan pengecualian perkhidmatan berikut:
  - a) pengendali bagi laluan sebagaimana yang dinyatakan di bawah Perjanjian Perkhidmatan Udara Luar Bandar atau;
  - b) pengendali yang diberikan lesen di bawah seksyen 35 Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015 bagi laluan di dalam Sabah atau di dalam Sarawak.
  
7. Orang awam dinasihatkan untuk mengenalpasti perkhidmatan bercukai dan perkhidmatan tidak bercukai dengan merujuk kepada di dalam Jadual Pertama, PCP 2018. Sebarang maklumat, orang awam boleh mendapatkan garis panduan dan perundangan berkaitan di laman sesawang <https://mysst.customs.gov.my/>. Adalah diharapkan penjelasan ini dapat menyelesaikan kekeliruan orang awam berhubung perkara ini.

Sekian, Terima Kasih.

**CAWANGAN PERHUBUNGAN AWAM**  
**IBU PEJABAT JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA**  
2 MAC 2024



cpa@customs.gov.my



03-8882 2100



03-8889 5884



[www.customs.gov.my](http://www.customs.gov.my)



JabatanKastamDirajaMalaysia



@KastamMalaysia



kastam.malaysia.official



@kastammalaysiaofficial